



NEGERI JOHOR

## Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

### **MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM 2011**

---

---

#### **AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974**

**(Akta 133)**

#### **UNDANG-UNDANG KECIL MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN**

**JALAN, PARIT DAN BANGUNAN**

**(MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM ) 2011**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil berikut:

#### **Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa**

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan Jalan, Parit dan Bangunan (Majlis Daerah Simpang Renggam) 2011 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis tersebut sahaja.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*

## **Tafsiran**

2. Dalam Undang-undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain –

”Majlis” ertinya Majlis Daerah Simpang Renggam;

”Pemindahan wang secara elektronik” hendaklah mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (Akta 372);

”Yang Dipertua” ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan jawatan Yang Dipertua Majlis Daerah Simpang Renggam dengan sah di sisi undang-undang dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua;

## **Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun dan orang-orang yang boleh mengkompaun**

3. (1) Kesalahan-kesalahan di bawah mana-mana peruntukan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 atau Undang-undang Kecil yang dibuat di bawahnya boleh dikompaun oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa di bawah Undang-undang Kecil ini oleh Yang Dipertua.

(2) Notis Kesalahan dan Tawaran Mengkompaun Kesalahan adalah sah bagi tempoh 21 hari mulai dari tarikh tawaran dibuat.

## **Penyampaian Notis Kesalahan dan Tawaran Mengkompaun Kesalahan**

4. Penyampaian suatu Notis Kesalahan dan Tawaran Mengkompaun Kesalahan boleh dibuat oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberi kuasa.

(a) dengan menyerahkannya kepada orang itu atau dengan menyerahkannya di tempat kediamannya yang akhir diketahui kepada seorang yang dewasa atau ahli keluarganya yang dewasa; atau

- (b) dengan meninggalkannya di tempat kediaman atau perniagaan orang itu yang biasa atau akhir diketahui dalam suatu sampul yang dialamatkan kepada orang itu; atau
- (c) dengan menghantarnya dengan pos dalam suatu surat yang telah pun dijelaskan bayaran posnya yang dialamatkan kepada orang itu di tempat kediaman atau perniagaannya yang biasa atau yang akhir diketahui; atau
- (d) dengan menampalnya di mana-mana bahagian premis atau apa-apa benda atau kenderaan yang berkaitan kesalahan itu dilakukan yang mudah dilihat.

**Jumlah wang yang dikehendaki dipungut dan cara pembayaran**

5. (1) Jumlah wang yang dikehendaki dipungut bagi mengkompaun sesuatu kesalahan tidak boleh lebih daripada dua ribu ringgit, jika kesalahan itu adalah di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, atau tidak boleh lebih daripada satu ribu ringgit, jika kesalahan itu adalah di bawah suatu Undang-undang Kecil yang diperbuat menurut akta tersebut.

- (2) Pembayaran wang itu hendaklah dibuat dengan cara:
  - (a) tunai; atau
  - (b) kiriman wang atau kiriman pos; atau
  - (c) pesanan juruwang, pesanan bank, draf bank atau cek dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja"; atau
  - (d) kad kredit atau apa-apa pemindahan wang secara elektronik;

dibayar kepada Majlis di atas nama Majlis Daerah Simpang Renggam

- (3) Bayaran bolehlah diserahkan dengan sendiri kepada juruwang di mana-mana kaunter pembayaran Majlis atau di mana-mana tempat yang dinyatakan oleh Majlis dari semasa ke semasa tetapi, jika bayaran dihantar melalui pos, ia

hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Simpang Renggam.

(4) Tiap-tiap bayaran yang diterima hendaklah dikira sebagai wang kepunyaaan Majlis dan satu resit rasmi hendaklah dikeluarkan baginya kepada orang yang telah diberi tawaran mengkompaun itu.

(5) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua secara bertulis mempunyai budi bicara bagi membenarkan bayaran-bayaran di bawah Undang-undang Kecil ini dikurangkan.

### **Borang bagi Notis Kesalahan dan Tawaran Mengkompaun Kesalahan**

6. Borang dalam Jadual di bawah Undang-undang Kecil ini hendaklah digunakan bagi membuat suatu Notis Kesalahan dan Tawaran Mengkompaun Kesalahan tetapi boleh diubah suai sebagaimana yang perlu.

### **Pemansuhan, kecualian dan peralihan**

7. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) apabila Undang-undang Kecil ini mula berkuat kuasa, Undang-undang Kecil Jalan, Parit dan Bangunan (Mengkompaun Kesalahan-kesalahan) (Majlis Daerah Kluang Selatan) 1995 yang telah diwartakan melalui J.P.U. 70 Tahun 1996 (selepas ini disebut Undang-undang Kecil termansuh) hendaklah terhenti berkuat kuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan.

(2) Walau apapun perenggan (1)-

(a) tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Undang-undang Kecil ini boleh menghalang mana-mana orang dari pada didakwa atau dihukum di bawah Undang-undang Kecil termansuh bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-undang Kecil termansuh sebelum mula berkuat kuasanya Undang-undang kecil ini;

- (b) apa-apa prosiding di bawah Undang-undang Kecil termansuh yang belum diputuskan sebelum mula berkuat kuasa Undang-undang Kecil ini hendaklah diterangkan di bawah Undang-undang Kecil termansuh seolah-olah Undang-undang Kecil ini tidak dibuat;
- (c) apa-apa lesen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil termansuh hendaklah terus berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa sehingga tamat tempoh baginya ia telah diberikan tetapi ia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Undang-undang Kecil ini dan mana-mana peraturan dan boleh dibatalkan di bawah dan mengikut Undang-undang Kecil ini; dan
- (d) apa-apa perlantikan atau penguatkuasaan yang dibuat di bawah Undang-undang Kecil termansuh hendaklah berkuat kuasa dan mempunyai kuat kuasa seolah-olah ia telah dibuat di bawah Undang-undang Kecil ini, sehinggalah perlantikan atau penguatkuasaan itu dibatalkan atau disatukan di bawah Undang-undang Kecil ini.

## JADUAL

### **UNDANG-UNDANG KECIL JALAN, PARIT DAN BANGUNAN (MENGKOMPAUN KESALAHAN-KESALAHAN) (MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM) 2011**

#### **NOTIS KESALAHAN DAN TAWARAN MENGKOMPAUN KESALAHAN (Undang-undang Kecil 6)**

No. Pegawai/Nama Pegawai : ..... NO.: .....

Kepada:-

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

No. Pendaftaran Syarikat : ..... Waktu Kesalahan :

Tempat Kesalahan :

Dengan ini diberitahu tuan/puan telah dilaporkan dengan kesalahan seperti yang bertanda (X) di bawah :

	Butir-butir Kesalahan	Peruntukan Undang-Undang	Kadar Kompaun (RM)
1.	.....	.....	.....
2.	.....	.....	.....
3.	.....	.....	.....
4.	.....	.....	.....
5.	.....	.....	.....
6.	Kesalahan Lain (Nyatakan)	.....	.....

Tandatangan Pengadu :

b.p Yang Dipertua  
Majlis Daerah  
Simpang Renggam

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah Undang-undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-kesalahan Jalan, Parit dan Bangunan (Majlis Daerah Simpang Renggam) 2011, saya dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan/kesalahan-kesalahan ini dengan bayaran RM ..... Jika tuan/puan menerima tawaran ini, sila jelaskan bayaran tersebut di PEJABAT MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM.

2. Tawaran mengkompaun kesalahan ini berkuat kuasa selama dua puluh satu (21) hari sahaja daripada tarikh notis ini dikeluarkan. Jika jawapan tidak diterima dalam tempoh itu, tindakan mahkamah akan diambil terhadap tuan/puan tanpa notis lagi.

Tarikh .....

\* Tandatangan : .....

Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Simpang Renggam

*\* (Untuk ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa mengkompaun dan nama jawatannya mestilah dinyatakan di bawah tandatangannya)*

Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Simpang Renggam

Saya merujuk kepada Notis Kesalahan dan Tawaran Mengkompaun Kesalahan di bawah rujukan no. ..... dan bertarikh ..... Saya terima tawaran itu dan sertakan bersama ini \*wang tunai/kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank/cek no. ..... bagi sebanyak RM ..... bagi pembayaran penuh kompaun itu.

Tandatangan :

Nama :

Alamat :

Tarikh :

\*Sila potong yang mana tidak berkenaan

NO. :

## **PENERANGAN**

1. Bayaran boleh dibuat di pejabat Majlis Daerah Simpang Renggam yang beralamat di :

YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM  
86200, SIMPANG RENGGAM, JOHOR.  
TEL : 07-7551300  
FAKS : 07-7551302

2. Waktu bayaran :

Isnin – Khamis	:	8.00 pagi – 1.00 t.hari / 2.00 ptg – 4.00 ptg
Jumaat	:	9.00 pagi – 12.00 t.hari / 2.45 ptg – 4.00 ptg
Sabtu dan Ahad	:	Tutup

3. Jika tawaran ini diterima, pembayaran hendaklah dengan cara:

- (a) tunai; atau
- (b) kiriman wang atau kiriman pos; atau
- (c) pesanan juruwang, pesanan bank, draf bank atau cek dipalang dengan perkataan ‘Akaun Penerima Sahaja’; atau
- (d) kad kredit atau apa-apa pemindahan wang secara elektronik; yang dibuat untuk dibayar kepada Majlis di atas nama Majlis Daerah Simpang Renggam. Satu resit rasmi dikeluarkan apabila dibayar.

4. Bayaran bolehlah diserahkan dengan sendiri kepada juruwang di mana-mana kaunter pembayaran Majlis atau di mana-mana tempat yang dinyatakan oleh Majlis dari semasa ke semasa tetapi, jika bayaran dihantar melalui pos, ia hendaklah dialamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Simpang Renggam

5. Segala pembayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan RINGGIT MALAYSIA sahaja.

**NOTIS KESALAHANINI HENDAKLAH DISERTAKAN  
APABILA MEMBUAT BAYARAN**

Diperbuat pada: 30 Jun 2011

[ MDSR/UNDG/01(A)(XIII).Jld.1 ]

**HAJI ABDUL KARIM BIN ABU BAKAR**  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Daerah Simpang Renggam*

Disahkan pada:

[K.T. 24/69 Jld.9 (20); PUNJ.BIL.(PU2) 7 Jld 3 (52)]

**HAJI MOHD HALIM BIN HASBULLAH**  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Johor*